



## **SOALAN LAZIM**

**TAWARAN UJIAN SARINGAN COVID-19  
RTK ANTIGEN KEPADA PEKERJA MELALUI  
KLINIK PANEL DI BAWAH PROGRAM UJIAN  
SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN**

**24 NOVEMBER 2021**

## 1. LATAR BELAKANG

PERKESO sedang melaksanakan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan. Melalui program ini, PERKESO membekalkan kit ujian COVID-19 kepada majikan untuk menjalankan ujian saringan COVID-19 di kalangan pekerja.

Bermula 24 November 2021, PERKESO menawarkan ujian saringan COVID-19 dengan menggunakan kaedah Rapid Test Kit (RTK) Antigen kepada pekerja melalui klinik panel sebagai salah satu pilihan di bawah program ini

## 2. APAKAH KAEDAH UJIAN SARINGAN COVID-19 YANG AKAN DIJALANKAN?

Ujian saringan ini akan menggunakan kaedah *Rapid Test Kit* (RTK) Antigen. Ujian ini melibatkan pengambilan sampel melalui calitan rongga hidung (*nasal swab*) yang dilakukan oleh petugas kesihatan terlatih. Pengujian calitan boleh dijalankan dengan segera di lokasi pengambilan sampel dengan menggunakan katrij yang akan mengesan kewujudan antigen virus COVID-19. Keputusan saringan melalui kaedah ini boleh diperolehi dalam masa yang singkat dan memudahkan pengesanan jangkitan COVID-19.

## 3. BAGAIMANAKAH UJIAN SARINGAN DILAKSANAKAN?

PERKESO telah membekalkan bekalan RTK Antigen kepada klinik panel. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ujian saringan ini terhad kepada bilangan kit yang masih berbaki di klinik panel sahaja. Justeru, pekerja perlu menghubungi klinik panel terlebih dahulu untuk membuat janji temu sebelum ujian saringan COVID-19 dijalankan. Pekerja hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik panel.

Senarai klinik panel boleh didapati di <https://psp.perkeso.gov.my/pengumuman-tawaran-ujian-saringan-covid-19-rtk-antigen-kepada-pekerja.html>.

---

**4. APAKAH KRITERIA KELAYAKAN UNTUK UJIAN SARINGAN INI?**

Tawaran ini terbuka kepada semua pekerja termasuk pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan bilangan ujian saringan yang dibenarkan adalah tidak terhad.

**5. BILAKAH TARIKH KUATKUASA UNTUK UJIAN SARINGAN INI?**

Pekerja boleh menjalankan ujian saringan COVID-19 melalui klinik panel bermula 24 November 2021.

**6. SEKIRANYA PEKERJA PERNAH MENJALANI UJIAN SARINGAN DI BAWAH PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN, ADAKAH PEKERJA MASIH LAYAK UNTUK MENJALANI UJIAN SARINGAN DI KLINIK PANEL?**

Ya, pekerja masih boleh menjalani ujian saringan COVID-19 melalui tawaran ini di klinik panel. Pekerja boleh menjalani ujian ini tanpa perlu melalui majikan masing-masing.

**7. ADAKAH KLINIK PANEL PERLU DIHUBUNGI UNTUK PENETAPAN JADUAL SARINGAN?**

Ya, pekerja perlu menghubungi klinik panel terlebih dahulu untuk pengesahan dan penetapan janji temu saringan memandangkan pelaksanaan ujian saringan ini bergantung kepada bekalan kit ujian di klinik panel.

**8. ADAKAH PEKERJA PERLU MENANGGUNG KOS PERKHIDMATAN YANG DIKENAKAN OLEH KLINIK PANEL?**

Ya, pekerja perlu menanggung kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik panel. PERKESO hanya menanggung kos bekalan RTK Antigen sahaja.

---

**9. ADAKAH PEKERJA AKAN MENDAPAT KEPUTUSAN SARINGAN SETELAH MENJALANI SARINGAN?**

Klinik panel yang menjalankan saringan akan mengeluarkan keputusan saringan kepada pekerja.

**10. APAKAH LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL BAGI MENCEGAH JANGKITAN COVID-19 SEWAKTU PROSES UJIAN SARINGAN DIJALANKAN?**

Proses menjalani ujian saringan melibatkan ramai pekerja, dan boleh menyebabkan SOP pencegahan Covid-19 seperti penjarakan fizikal terjejas. Oleh itu, pekerja perlu sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan sewaktu menjalani ujian. Ujian yang dijalankan di premis majikan juga perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM.

**11. BAGAIMANAKAH PERKESO BOLEH DIHUBUNGI SEKIRANYA TERDAPAT PERTANYAAN LANJUT?**

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi PERKESO melalui talian 03-4264 5089 atau 1-300-22-8000, atau layari Portal PSP di <https://psp.perkeso.gov.my>.